

# Pasar tak diurus secara teratur undang samseng

A/HARICAR 2/14/19

MS 15

**Kuala Lumpur:** Kurang pemantauan dan kawalan terhadap operasi perniagaan di pasar borong sekitar Selangor dilihat antara punca pendatang asing sewenang-wenangnya dapat bermiaga di situ dan mengundang kumpulan samseng untuk mengawal operasi mereka.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisyoner Fadzil Ahmet, berkata sekiranya pasar itu diuruskan secara teratur dan semua urusan niaga dilakukan hanya di tempat yang dibenarkan, isu samseng mengawal operasi perniagaan dan kebanjiran peniaga warga asing sedikit sebanyak akan dapat dikawal.

"Contohnya di Pasar Borong Lama Selayang. Umum tahu keadaan di situ agak tidak terkawal, urusan niaga dijalankan di lokasi bersebelah, tidak tersusun, termasuk loripemborong dan peniaga, namun perkara itu adalah di luar bidang kuasa polis.

"Justeru, kita minta pihak berkuasa tempatan (PBT) main peranan terlebih dahulu, kawal situasi di pasar borong kerana me-

reka yang mengeluarkan lesen perniagaan, tindakan penguatkuasaan berkaitan lesen perniagaan adalah dalam bidang kuasa PBT.

## Kerapkan pemantauan

"Pemantauan dan pemeriksaan perlu kerap dilakukan bagi memastikan hanya peniaga berlesen dibenarkan beroperasi," katanya ketika dihubungi BH semalam, sambil tidak menafikan wujud kegiatan jenayah di pasar borong berkenaan, termasuk pembabitankongsi gelap.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, polis sentiasa berusaha membanters kegiatan samseng dari semasa ke semasa, malah tidak pernah berhenti mengambil tindakan terhadap sebarang kegiatan jenayah yang dilaporkan berlaku di pasar borong berkenaan.

"Ini termasuk mengadakan operasi sehingga ada di antara mereka (samseng) yang ditahan, dikenakan tindakan mengikut Akta Pencegahan Jenayah (POCA)," katanya.

Fadzil menasihatkan peniaga dan orang ramai berurusan di pa-



**Keadaan premis milik peniaga warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen di bahu jalan sekitar Pasar Borong Selayang, Kuala Lumpur.**

sar berkenaan yang pernah menjadi mangsa pemerasan atau mempunyai maklumat berhubung kegiatan jenayah, bukannya mendiamkan diri atau menyelesaikan masalah dengan sendiri.

## Polis peringkat risikan

"Polis pandang serius setiap aduan awam dan kita ambil tin-

dakan sewajarnya jika perkara itu benar-benar berlaku. Jika benar ada pemerasan oleh kongsi gelap, minta bayar wang perlindungan, termasuk kegiatan melindungi peniaga warga asing oleh mereka, kita akan ambil tindakan mengikut undang-undang diperuntukkan.

"Kita akan pertingkatkan risikan untuk mengenal pasti pihak yang

terbabit dalam kegiatan itu jika ada dan tindakan seterusnya akan diambil berdasarkan hasil siasatan yang kita peroleh nanti," katanya.

Mengenai dakwaan kononnya ada anggota pihak berkuasa terbabit di sebalik isu berkenaan, Fadzil tidak menolak kemungkinan itu dan akan menjalankan siasatan lanjut mengikut peruntukan undang-undang yang ada.